SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2020 Perakaunan Semester 1 Kedah + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

1.(a) Bagi setiap yang berikut,nyatakan prinsip perakaunan yang dipatuhi atau tidak berkaitan selain prinsip kos sejarah.

i) Encik Iskandar telah melaburkan sejumlah wang untuk memulakan perniagaannya, Iskandar Enterprise pada tahun 2018. Dalam tahun kewangan semasa beliau telah menggunakan sebahagian wang perniagaan membayar sejumlah pinjaman peribadi beliau dan merekodkannya sebagai belanja operasi Iskandar Enterprise.

ii) Puan Jehan, pemilik perniagaan Jehan Enterprise yang menjalankan perusahaan dadih segar telah mendapat tempahan daripada Restoran Naga sebanyak 300 unit berjumlah RM450 untuk dihantar pada bulan hadapan. Puan Jehan telah merekodkan tempahan tersebut sebagai hasil pada bulan semasa.

iii) En. Haider seorang pengusaha perabot telah membeli kayu secara kredit pada 1 April 2019 dan beliau hanya merekodkan urusniaga tersebut apabila pembayaran telah dibuat pada 30 Jun 2019.

iv) Perniagaan Andalas telah menggunakan kaedah susutnilai garis lurus bagi merekodkan belanja susutnilai dan susutnilai terkumpul. Pada tahun 2019, akauntan telah menukarkan kaedah garis lurus kepada kaedah baki berkurangan tanpa mendedahkan dalam penyata kewangan.

v) Belian 10 unit tong sampah bernilai RM50 seunit telah disusutnilaikan selama 5 tahun oleh kerani akaun Syarikat Jebat Berhad.

[5]

c) Berikut adalah maklumat berkenaan berkaitan aset bukan semasa Laras Bhd.

	Komputer	**Jentera**	**Mesin**
Tarikh Beli	1 Mac 2018	1 Januari 2017	1 Julai 2017
Kos	RM12 000	RM200 000	RM90 000
Nilai sisa	RM2 000	RM8 000	RM10 000
Anggaran Usia Guna	5 tahun	7 tahun	5 tahun /10000 jam
Kaedah Susutnilai	Garis lurus	Jumlah Angka Tahunan	Unit Pengeluaran

Maklumat Tambahan:

1. Jam penggunaan mesin untuk tahun 2017 dan 2018 adalah masing-masing 2 000 jam dan 1 500 jam.
2. Tahun perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Dikehendaki:

i) Tentukan belanja susutnilai aset tetap Laras Bhd. bagi 31 Disember 2018. [7]

c) Syarikat Bee Berhad membenarkan pelanggannya membuat pembelian secara kredit. Pada akhir tempoh perakaunan, syarikat akan menghitung peruntukan hutang ragu dengan membuat analisis usia hutang. Yang berikut ialah maklumat berkenaan hutang pelanggan kepada syarikat dan usia hutang tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Pelanggan	Hutang (RM)	Usia (Hari)
Raja	300	15
	400	35
Shahrul	1,000	90
Selvi	5,000	105
Pidah	700	45

Untuk menghitung peruntukan hutang ragu, syarikat telah menetapkan peratusan yang berbeza mengikut usia hutang seperti yang berikut :

Usia (Hari)	Peratusan
< 30	0
30 - 60	5
61 - 90	10
> 90	20

Baki akaun peruntukan hutang ragu pada 1 Januari 2018 ialah RM600.

Dikehendaki :

(i) Hitung jumlah peruntukan hutang ragu dengan menyediakan jadual usia hutang bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [6 ½]

(ii) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan hutang ragu tersebut. [1 ½]

2. a) Syarikat Ikatan Kukuh Sdn Berhad telah memulakan perniagaan kitar semula kertas beberapa tahun yang lalu. Syarikat bercadang untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran kertas dengan penjenamaan semula dan menambah aset syarikat.

Syarikat telah memulakan urus niaga penjenamaan ini bermula 1 Januari 2018 seperti berikut:

1) Pada 1 Januari, syarikat membeli sebidang tanah dan sebuah bangunan daripada Syarikat Jen Bhd. Harga yang dibayar melalui cek untuk tanah dan bangunan dengan amaun masing-masing RM1 450 000 dan RM300 000.

2) Pada 1 Mac, syarikat telah memperoleh kenderaan terpakai dengan harga RM78 000. Amaun yang terlibat untuk mengecat semula kenderaan dengan warna dan logo syarikat ialah RM5 000. Manakala amaun untuk membeli insurans ialah RM2 780 dan cukai jalan ialah RM280. Kenderaan tersebut dijangka boleh digunakan selama lima tahun dan dapat dijual semula dengan harga RM22 000 pada akhir usia gunanya. Syarikat mengamalkan susut nilai kaedah garis lurus dan dikenakan sepenuhnya pada tahun dibeli.

3) Pada 15 Mei,syarikat memperoleh paten bagi satu keluaran kertas lestari bernilai RM30 000

4) Pada 24 September, syarikat membeli 200 000 unit saham biasa pada harga RM2.50 seunit dalam Syarikat Salam Bhd

5) Syarikat mengamalkan sistem inventori berkala. Pada 31 Disember, kerani inventori telah mendapati:

Baki awal 250 unit pada kos RM5 seunit
Belian 1 500 unit pada kos RM5.50 seunit
Jualan 1 400 unit pada harga jualan RM15.50
Belian 5 200 unit pada kos RM5.80
Jualan 3 480 unit pada harga jualan RM15.50

Dikehendaki:

i) Sediakan catatan jurnal am bagi urus niaga (1) hingga (4) di atas [10]

ii) Hitung kos inventori akhir, kos barang dijual dan untung kasar mengikut kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD) bagi urus niaga (5) di atas [6]

iii) Sediakan satu Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 (bahagian aset sahaja) bagi semua urus di atas [4]

3. (a) Beri dua perbezaan antara liabiliti jangka panjang dengan liabiliti semasa, beserta dua contoh bagi setiap liabiliti. [4]

(b) Berikut adalah petikan bahagian liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Syarikat Idola Berhad pada 31 Disember 2017:

	RM
Gadai janji	138,750
Bon 5%	40,000
Debentur 8%	250,000
Akaun belum bayar	38,000

Maklumat berkaitan dengan petikan Syarikat Idola Berhad adalah seperti yang berikut:

(1) Gadai janji iaitu cagaran tanah RM150,000 kepada satu pinjaman jangka panjang selama 10 tahun yang diperoleh pada 1 Januari 2017. Pinjaman jangka panjang dikenakan faedah sebanyak 5% setahun. Pokok dan faedah dibayar secara sukuan iaitu bermula pada 1 April 2017.

(2) Bon 5% akan matang pada 31 Mei 2019.

(3) Pendahuluan yang diterima daripada pelanggan untuk kerja yang akan dilaksanakan pada bulan Februari 2019 ialah RM3,500.

(4) Debentur 8% terdiri daripada tarikh matang yang berlainan iaitu 30% daripada jumlah debentur akan matang pada 28 Februari 2019 dan selebihnya akan matang pada 30 Julai 2022.

(5) Bil utiliti bagi bulan Disember 2018 yang belum dijelaskan berjumlah RM1,800

(6) Jumlah belian kredit sepanjang tahun 2018 ialah RM98,000. Pulangan belian ialah RM5,600 dan penjelasan hutang kepada pembekal adalah sebanyak RM88,000 setelah menerima diskaun sebanyak RM2,500.

(7) Sepanjang tahun 2018, jumlah aliran tunai masuk adalah sebanyak RM520,000 dan aliran tunai keluar berjumlah RM290,000.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga di atas dan nyatakan "Tiada" bagi urusniaga yang tidak perlu catatan. [7]

(ii) Sediakan bahagaian liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Syarikat Idola Berhad pada 31 Disember 2018 [9]

4. (a) Berikan **dua** kebaikan sistem catatan bergu berbanding dengan sistem catatan tunggal. [2]

(b) Sutera Kasih, merupakan perusahaan batik yang mula beroperasi pada awal Januari 2017 di Pasir Mas, Kelantan. Pemiliknya, Pn Atikah berhasrat untuk membuat pinjaman bank. Beliau memerlukan bantuan anda untuk menyediakan penyata kewangan perniagaan.

Berikut adalah semua maklumat yang dapat disediakan untuk tujuan di atas:

1. Baki aset dan liabiliti pada 1 Januari 2018:

Perabot	RM 20,000
Sewa prabayar	500
Utiliti terakru	250
Inventori	2,100
Akaun belum bayar	900
Bank	6,300

2. Semua urusniaga jualan dibuat secara tunai. Kutipan hasil jualan dibankkan setelah membayar perkara-perkara berikut:

Upah pekerja	RM 12,500	Setahun
Ambilan	8,500	Setahun
Utiliti	2,300	Setahun
Derma	300	Setahun

Jumlah kutipan jualan yang dibankkan bagi tahun 2018 ialah RM80,500.

Sejumlah RM350 daripada hasil jualan masih lagi disimpan dalam mesin daftar tunai pada 31 Disember 2018.

3. Pembayaran yang dibuat dengan cek terdiri daripada:

Belian (Akaun belum bayar)	RM 50,600 setahun
Sewa kedai	RM 10,000 setahun

4. Semua belian dibuat secara kredit. Pulangan belian sepanjang tahun RM560.
5. Baki awal perabot dibeli pada 1 Januari 2017. Terdapat perabot baru yang dibeli secara tunai RM2,600 pada 1 Oktober 2018 . Kadar susutnilai perabot setahun ialah 10% atas kos.
6. Sepanjang tahun 2018, alat tulis RM300 telah diambil untuk kegunaan anak-anak di sekolah.
7. Baki sebahagian aset dan liabiliti pada 31 Disember 2018:

Akaun belum bayar	RM 2,500
Inventori	3,100
Utiliti terakru	150

Dikehendaki:

a) Sediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. [10]

b) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018. [8]

5. Baki yang berikut diperolehi daripada buku Koperasi SMK Budi Berhad pada 31 Disember 2018:

	RM	RM
Peralatan	42,000	
Kenderaan	65,000	
Bank		3,600
Kumpulan wang rizab berkanun		4,900
Kumpulan wang rizab pendidikan		10,500
Utiliti	2,800	
Cukai tanah	250	
Sewa premis kedai	18,000	
Belanja gaji	21,600	
Akaun belum bayar		16,450
Akaun belum terima	60,000	
Modal saham		65,000
Belanja mesyuarat	3,700	
Inventori pada 31 Disember 2018	41,900	
Susutnilai terkumpul peralatan		12,600
Susutnilai terkumpul kenderaan		19,500
Yuran masuk		750
Alatulis	1,250	
Yuran juru audit	700	
Simpanan tetap	65,000	
Untung terkumpul pada 1 Januari 2018		33,900
Untung kasar		155,000
	322,200	322,200

Maklumat tambahan:

1. Belanja susutnilai bagi peralatan dan kenderaan ditetapkan 10% setahun atas kos.
2. Utiliti terakru ialah RM250
3. Elaun kehadiran mesyuarat agung berjumlah RM1800.
4. Peruntukan hutang ragu ialah 4% atas penghutang bersih.
5. Jumlah jualan kepada ahli dalam tahun 2018 sebanyak RM134,500
6. Rebat jualan sebanyak 6% dicadangkan
7. Dividen sebanyak 10% telah diluluskan oleh ahli lembaga pengarah koperasi
8. Elaun sebanyak 5,000 dicadangkan untuk ahli lembaga pengarah

1a) i) Tidak patuh √ Entiti berasingan √

ii) Tidak patuh √ Realisasi √

iii) Tudak Patuh √ Pemadanan √

iv) Tidak Patuh √ Konsistensi √

v) Tidak Patuh √ Materialiti √ [10 X ½ = 5m,prinsip salah salah semua]

(b) Susut nilai 2018

Komputer = $\frac{12000-2000}{5}$ = 2000 x 10/12 = RM1667 √ √ √ √ [2]

Jentera n(n+1) /2 = 7(7+1)/2 = 28

2018 =6/28 x (200000-8000) = RM41143 √ √ √ √ [2]

Mesin

Kadar susut nilai = $\frac{90000 - 10000}{10000}$ = RM8 per jam, √ √ √ √

susut/nilai=1500 x 8 = RM12000√ √ [3]

(c)

Pelanggan	**< 30 hari**	**30 – 60 hari**	**61 – 90 hari**	**> 90 hari**
Raja	300√	400 √		
Shahrul			1,000√	
Selvi				5,000√
Pidah		700 √		
Jumlah	**300**	**1,100**	**1,000**	**5,000**
Peratus	0	5√	10√	20√
Peruntukan Hutang Ragu	0 √	55 √	100 √	1,000 √
Jumlah Peruntukan Hutang Ragu	**0 + 55 + 100 + 1,000 = 1,155 √**			

[13 / @ ½ markah = 6 ½ m]

Belanja Hutang Ragu (1,155 – 600) Peruntukan Hutang Ragu (Merekodkan belanja hutang ragu)	555 √ √	 555 √

[3 / @ ½ markah = 1 ½ m]

2. Catatan Jurnal

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit
Jan 1	Tanah	1 450 000 √	
	Bangunan	300 000√	
	Bank		1 750 000 √√
	(Merekod pembelian tanah dan bangunan)		

Mac 1	Kenderaan (78 000 +5 000)	83 000 √ √	
	Belanja kenderaan(2 780 +280)	3060√√	
	Bank		86 060√√
	(Merekod pembelian kenderaan)		
	Belanja susut nilai kenderaan (83 000 -22 000 /5)	12 200√√√	
	SNT Kenderaan		12 200√
	(Merekod belanja susut nilai)		
Mei 15	Paten	30 000√	
	Bank (Merekod paten)		30 000√
Sept 24	Pelaburan ekuiti/Pelaburan Syarikat Salam (200000 x RM2.50)	500 000√√	
	Bank (Merekod pelaburan saham biasa)		500 000√√

Sistem inventori berkala. Kaedah MDKD

Kos inventori akhir = 2 070 unit x RM5.80 = RM12 006 √ √ √

Kos barang dijual = Inventori awal + Belian - Inventori akhir

= RM1250√ + RM38 410√√- RM12 006√= RM27 654√

Untung kasar = Jualan - Kos barang dijual

= RM75 640√√ - RM27 654√

= RM47 986√ [12/ x ½ = 6 m]

Syarikat Ikatan Kukuh Sdn Bhd

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018

Aset Bukan Semasa	RM	RM
Harta, tanah loji dan peralatan		
Tanah	1 450 000√	
Bangunan	300 000√	
Kenderaan	83 000 √	
Tolak Peruntukan susut nilai kenderaan	12 200 √	70 800
Aset tak ketara		
Paten	30 000√	
Pelaburan jangka panjang		
Saham biasa	500 000√	
Aset semasa		
Inventori akhir	12006√	

Format √

[8√ x ½ = 4m]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar